e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI SEPTEMBER 2014

PERASMIAN KOLEJ KEJURURAWATAN KUALA PILAH

ANUGERAH DAULAT

WHO KE SARAWAK

"SAFE FOOD"

http://www.moh.gov.my

www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia

http://twiter.com/kkmputrajaya

http://www.youtube.com/kementeriankesihatan

http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia

MySihat India 1Malaysia

YB Datuk Seri Dr. S.Subramaniam telah menghadiri 'Program Kesihatan Masyarakat India 1Malaysia' pada 21 September 2014, di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda 2, Shah Alam Selangor. Fasa pertama telah diadakan di 16 lokasi seluruh negara melibatkan 4,000 orang menikmati saringan kesihatan percuma termasuklah pemeriksaan tahap glukosa dan kolesterol dalam darah, BMI, pemeriksaan tekanan darah, pap smear, pemeriksaan payudara dan pemeriksaan mata.

KOLEJ KEJURURAWATAN KUALA PILAH

YB Datuk Seri Dr S.Subramaniam telah merasmikan Kolej Kejururawatan Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 22 September 2014. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Farida Mohd Ali. Kos pembinaan dan pembangunan kolej ini adalah sebanyak RM 52.3 juta dan ia boleh menampung kapasiti seramai 600 orang pelatih pada satu-satu masa dengan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan selesa. Ia merupakan projek baru dibawah RMK-9 bagi menampung latihan kejururawatan di sekitar Seremban.

SAFE FOOD 2014

YB Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya telah menyempurnakan majlis perasmian *Safe Food 2014* di MITC Melaka pada 13 September 2014. Program ini telah disertai oleh lebih 70 pengusaha makanan dari sekitar negeri Melaka, Johor & Negeri Sembilan. Program ini hasil kerjasama di antara JKN Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Persatuan Keselamatan Makanan Malaysia (MAFSA). Program sebegini dapat mewujudkan platform bagi pelbagai pihak dalam keselamatan makanan untuk mempromosikan produk makanan selamat serta mewujudkan permintaan terhadap pasaran makanan selamat.

10th Allied Health Scientific Conference Malaysia 2014

YB Dato Seri Dr Hilmi Yahaya telah merasmikan *10th Allied Health Scientific Conference Malaysia 2014,* pada 9 dan 10 September 2014. Persidangan ini telah berlangsung di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Program ini bertemakan *'Transformation of Allied Health Practices towards Excellence – Multidisciplinary Team Approach'*. Seramai 650 lebih peserta hadir pada persidangan kali ini dengan fokus terhadap kecemerlangan klinikal, teknologi kesihatan, inovasi, pengurusan NCD dan isu pengurusan persekitaran.

Annual Scientific meeting on Antimicrobial Resistance and Launching of Protocol on Antimicrobial Stewardship Programme.

YBhg. Dato' Dr. Azman Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan telah mewakili Timbalan Menteri Kesihatan ke *Annual Scientific meeting on Antimicrobial Resistance and Launching of Protocol on Antimicrobial Stewardship Programme* ada 30 September 2014 di Auditorium Parcel E, Kompleks E, Presint 1, Putrajaya p. Program ini bertujuan menjalankan kajian yang dapat menyumbang pembentukan penjagaan kesihatan pada masa hadapan.

Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014

YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah menyempurnakan Majlis Perasmian Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014 pada 5 September 2014 di Dewan Perdana Pusat Konvokesyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Turut hadir ialah YBhg Datuk Farida Mohd Ali,KSU dan YBhg Datuk Noor Hisham bin Abdullah,KPK. KKM merupakan finalis pada majlis anugerah ini. Majlis anugerah ini bertemakan 'Melestarikan Inovasi, Memartabatkan Transformasi'. Antara agensi dan jabatan kerajaan yang disenaraikan sebagai finalis ialah Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Kewangan, Majlis Kanser Nasional, KPDNKK, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Pingat Kedaulatan Negara

YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara pada 4 September 2014 telah diadakan di Dewan Banquet, Pulapol, Kuala Lumpur. Dalam majlis tersebut YBhg Datuk Farida Mohd Ali, KSU dan YBhg Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, KPK telah dianugerahkan Pingat Kedaulatan Negara atas jasa perkhidmatan beliau sepanjang berkhidmat di KKM.

Anugerah Inovasi KKM 2014

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali telah merasmikan Majlis Perasmian Anugerah Inovasi KKM 2014 pada 3 September 2014 bertempat di Hotel Summit, USJ Selangor. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Hasnah binti Haji Salleh, TKSU (Pengurusan) KKM. Majlis ini bertujuan untuk menggalakkan budaya inovasi dari seluruh warga KKM. MAMPU memperkenalkan inovasi bertujuan untuk menambah nilai output semasa yang melibatkan transformasi daripada amalan biasa sama ada dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

PAIN FREE

YBhg Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah telah merasmikan Pelancaran 'Hospital Bebas Kesakitan' Peringkat Kebangsaan di Auditorium Kompleks E, Putrajaya pada 3 September 2014. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg Dato' Dr. Azman Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan.Program ini dilancarkan bertujuan untuk membolehkan pesakit mendapat pemulihan yang lebih cepat khususnya selepas pembedahan. Antara hospital yang telah dianugerahkan sijil hospital bebas kesakitan adalah Hospital Putrajaya, Hospital Selayang dan Hospital Permaisuri Bainun, Ipoh.

Patients for Patient Safety In Country Workshop

YBhg Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah telah menyempurnakan perasmian *'Patients for Patient Safety In Country Workshop'* pada 29 September 2014 di Hotel Everly, Putrajaya. Bengkel ini merupakan salah satu platform kepada semua yang terlibat dengan keselamatan pesakit untuk menambah ilmu mengenai cara-cara yang betul dalam penjagaan pesakit. Objektif bengkel ini adalah untuk menjadikan pesakit sebagai sebahagian daripada pasukan penjagaan kesihatan.



Dr. Shin Young-Soo, Regional Director World Health Organization (WHO)

YBhg Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah telah mengiringi Dr. Shin Young Soo, *Regional Director World Health Organization (WHO)* mengadakan lawatan ke Klinik Kesihatan Mulu, Rumah Sayun, Marudi dan Klinik 1Malaysia, Miri Sarawak. Lawatan ini diadakan selama 3 hari bermula dari 24 hingga 26 September 2014. Lawatan ini bertujuan untuk melawat fasiliti dan meninjau perkhidmatan yang disediakan oleh KKM di kawasan pedalaman.



Pertandingan KOIR Peringkat KKM

Pertandingan Koir Peringkat KKM telah berlangsung pada 9 September 2014 di Dewan Serbaguna, Aras 8, IPKKM. Majlis ini telah dihadiri oleh YB Dato Seri Dr Hilmi Yahaya. Pertandingan ini telah diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan dan johan telah dimenangi oleh Ibu Pejabat KKM, Putrajaya.

YBhg Datuk Farida Mohd Ali telah menghadiri Majlis Perasmian Karnival 1Pesara pada 24 September 2014 bertempat di MAEPS, Serdang. Objektif majlis ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pesara dan anggota perkhidmatan awam mengenai pengurusan kewangan dan peluang dalam bidang keusahawanan, memberi pendedahan awal mengenai peluang menaik taraf hidup selepas persaraan dan mendedahkan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan di bawah NBOS. Tema Karnival ini ialah "Melakar Perubahan: Pesara Produktif Menelusuri Kesejahteraan".

KARNIVAL 1PESARA

PERSARAAN PEGAWAI - PEGAWAI DI IPKKM BAGI BULAN OGOS 2014

SARIPAH BINTI ISMAIL

Jawatan/Tempat	JURURAWAT Bahagian Amalan Perubatan
Tarikh Bersara	01.08.2014 (Bersara Wajib)
Anugerah/ Pingat	APC 1998,2006
Tempoh Perkhidmatan	06.05.1977 - 01.08.2014 37 Tahun 2 Bulan

NORCHIK BINTI ITAM

Jawatan/Tempat	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Tarikh Bersara	01.08.2014 (Bersara Pilihan)
Anugerah/ Pingat	APC 1996,2007
Tempoh Perkhidmatan	02.01.1982 - 01.08.2014 32 Tahun 6 Bulan

ENSERI BIN CHE DIN

Jawatan/Tempat	PEMBANTU AKAUNTAN Bahagian Akaun
Tarikh Bersara	01.08.2014 (Bersara Pilihan)
Anugerah/ Pingat	APC 2003, 2013
Tempoh Perkhidmatan	30.04.1979 - 01.08.2014 32 Tahun 3 Bulan

KHATIJAM BINTI TUKIMIN

Jawatan/Tempat	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) Pejabat TKPK (Kesihatan Awam)
Tarikh Bersara	05.08.2014 (Bersara Pilihan)
Anugerah/ Pingat	APC 1994, 2002
Tempoh Perkhidmatan	02.11.1981 - 05.08.2014 32 Tahun 9 Bulan

NIK NORAIHAN THANI BINTI NIK HASSAN THANI

Jawatan/Tempat	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK Bahagian Pengurusan Latihan
Tarikh Bersara	10.08.2014 (Bersara Wajib)
Anugerah/ Pingat	Pingat AMP 1999, APC 2003
Tempoh Perkhidmatan	14.12.1981 HINGGA 01.08.2014 32 Tahun 7 Bulan

ZAIDAH BINTI ABU BAKAR

Jawatan/Tempat	JURURAWAT Bahagian Kejururawatan
Tarikh Bersara	10.08.2014 (Bersara Wajib)
Anugerah/ Pingat	Pingat PPN 2008, PJC 2012, APC 1990, 2000, 2007, 2011
Tempoh Perkhidmatan	01.09.1975 - 10.08.2014 38 Tahun 11 Bulan

PENASIHAT
KETUA SETIAUSAHA
YBhg. Datuk Farida Mohd Ali

KETUA PENGARAH KESIHATAN
YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

SIDANG PENGARANG

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)
YBhg. Datuk Hasnah Binti Haji Saleh

KETUA PENGARANG
Hapsah Binti Mohd Dusa

PENGARANG
Baharudin bin Mohamad
Mohd Azizan bin Azmi
Siti Nadirah binti Omar

PENYUMBANG ARTIKEL
Pejabat Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan
Unit Komunikasi Korporat